

Pusat Penemuan Harga Terkemuka untuk Minyak Laurik

FPKO

Niaga Hadapan Minyak
Isirung Sawit Mentah

Diniagakan di
Bursa Malaysia

4487

2641

3101

4112

3992

2556



APA ITU FPKO?

FPKO ialah Kontrak Niaga Hadapan Minyak Isirung Sawit Mentah yang diniagakan dalam mata wang Ringgit Malaysia (RM) di Bursa Malaysia Derivatives khusus untuk memberi peluang kepada pemain industri minyak laurik dengan perlindungan nilai daripada risiko pergerakan harga yang tidak menentu di pasaran minyak laurik.

Penawaran Kompleks Sawit oleh Bursa Malaysia Derivatives mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pusat penemuan harga terkemuka minyak sawit yang diniagakan di seluruh dunia.



Ciri-ciri



SAIZ KONTRAK

Setiap Kontrak FPKO bersamaan dengan 25 metrik tan



KAEDAH PENYELESAIAN

Serahan fizikal



TARIKH MATANG

Pada hari ke-15 bulan terkini

Apakah Kod Simbol untuk Kontrak FPKO?

- ▶ CME Globex®
BMD\PKO\kod bulan Kontrak yang relevan
Contoh: BMD\PKO\MAR20
- ▶ Bloomberg
KGA Comdty CT (Go)

MENGAPA BERDAGANG DALAM FPKO?



Akses Global

FPKO didagangkan secara elektronik melalui CME GLOBEX®, sebuah platform dagangan elektronik global. CME Globex® mudah diakses dan ia membolehkan pedagang individu dan profesional di seluruh dunia untuk mengakses kesemua produk Bursa Malaysia Derivatives.



Pengurusan Risiko

FPKO dapat digunakan oleh pemain industri minyak laurik untuk melindungi nilai daripada risiko pergerakan harga yang tidak memuaskan di pasaran fizikal.



Perdagangan Leveraj

Mendapat pendedahan leveraj kepada pergerakan harga aset pendasar dengan jumlah modal yang agak kecil (Margin Permulaan), yang mudah terkesan dengan sebarang perubahan harga.



Pendedahan Segera pada Pasaran

Pengurus dana, penasihat perdagangan komoditi dan peniaga proprietari global boleh mendapat pendedahan kepada pasaran minyak laurik.



Dagangan yang Dikawal Selia

Berdaganglah dengan yakin di pasaran yang selamat dan telus yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

ATURAN SERAHAN FIZIKAL UNTUK PENJUAL

ATURAN SERAHAN FIZIKAL UNTUK PEMBELI

01



Penjual perlu membuat serahan CPKO berserta dokumen pengesanan

02



PTI¹ perlu memeriksa perkara berikut:

- Kuantiti CPKO yang dihantar
- Nilai julat FFA², M&I³, IV⁴ dan Warna telah dipatuhi
- Dokumen pengesanan yang dikemukakan oleh Penjual

04



Penjual perlu memberitahu Peserta Penjelasan mengenai niat mereka untuk membuat tender

03



PTI perlu mengeluarkan e-NSR⁵ sekiranya semua syarat telah dipenuhi

05



Peserta Penjelasan bagi pihak Penjual perlu memberitahu Pusat Penjelasan

06



Pusat Penjelasan perlu mengemukakan kepada Peserta Penjelasan Pembeli

01



Setelah Pusat Penjelasan menetapkan peruntukan, Pembeli membuat pembayaran penuh kepada Peserta Penjelasan

02



Peserta Penjelasan membuat pembayaran kepada Pusat Penjelasan

04



Pembeli perlu mengambil minyak daripada PTI

PTI perlu menyediakan dokumen pengesanan minyak kepada pembeli ketika pengambilan minyak

03



Pusat Penjelasan perlu menyediakan e-NSR kepada pembeli melalui Peserta Penjelasan

* Dokumen pengesanan:

- Syarikat Induk Penjual
- Nama Kilang Minyak Isirung Sawit
- Alamat Kilang Isirung Sawit
- Koordinat Kilang Minyak Isirung Sawit: Latitud dan Longitud
- Kuantiti CPKO yang Diterima Dalam Tan Metrik

PTI¹ - Pemasangan Tangki Pelabuhan
FFA² - Minyak Sawit Bebas Asid Berlemak
M&I³ - Kelembapan dan Bendasing
IV⁴ - Nilai Iodin
e-NSR⁵ - Resit Simpanan e-Negotiable

CONTOH DAGANGAN (PASARAN MENURUN)

SENARIO:

BULAN TERKINI: JANUARI




Pengeluaran meningkat
Jangkaan: Harga CPKO akan
menurun pada bulan April

SELEPAS 4 BULAN: APRIL



Penurunan harga
CPKO

BAGAIMANA MENGGUNAKAN KONTRAK FPKO UNTUK MENDAPAT KEUNTUNGAN DARI PASARAN MENURUN:



MYR3,200



MYR3,100



UNTUNG KASAR:
RM(3200 - 3100) 25MT = RM2,500


Merujuk kepada pengeluaran buah sawit yang tinggi pada tahun ini, Ali menjangkakan harga Minyak Isirung Sawit Mentah akan menurun.

Untuk memperoleh keuntungan daripada pasaran menurun, beliau boleh menggunakan Kontrak FPKO dengan cara berikut:

Niaga Hadapan Minyak Isirung Sawit Mentah (FPKO) diniagakan pada RM3,200

FPKO dijangka JATUH

LANGKAH 1
Jual satu Kontrak
FPKO pada
RM3,200



Beliau juga boleh menggunakan strategi sama (jualan singkat) untuk lain-lain petunjuk pada pasaran menurun.

Perhatian:

1. Margin Awal perlu didepositkan dengan Broker Niaga Hadapan sebelum mula berdagang.
2. Kedudukan terbuka bergantung pada mark-to-market (nilai saksama) yang mungkin memerlukan deposit margin tambahan.
3. Kos transaksi telah dikecualikan dalam contoh ini.

CONTOH DAGANGAN (PASARAN MENAIK)

SENARIO:

BULAN TERKINI:
SEPTEMBER



Jangkaan: Kenaikan harga minyak masak lain seperti minyak kelapa juga akan mempengaruhi harga CPKO

SELEPAS 4 BULAN:
DISEMBER



Kenaikan harga CPKO

BAGAIMANA MENGGUNAKAN KONTRAK FPKO UNTUK MENDAPAT KEUNTUNGAN DARI PASARAN MENAIK:



Beli 1 Kontrak FPKO pada RM3,000



Jual 1 Kontrak FPKO pada RM3,200

MYR3,000



MYR3,200



UNTUNG KASAR:
RM(3200 - 3000) 25MT = RM5,000

Faris melihat peningkatan harga minyak kelapa sering kali seiring dengan kenaikan Minyak Isirung Sawit Mentah. Beliau menjangkakan ada kemungkinan harga Minyak Isirung Sawit Mentah akan meningkat.

Untuk memperoleh keuntungan dari pasaran menaik, beliau boleh menggunakan Kontrak FPKO dengan cara berikut:

Niaga Hadapan Minyak Isirung Sawit Mentah (FPKO) didagangkan pada harga RM3,000

FPKO dijangka MENINGKAT

LANGKAH 1

Beli satu Kontrak FPKO pada RM3,000

Dengan andaian FPKO meningkat ke RM3,200

LANGKAH 2

Jual satu Kontrak FPKO pada RM3,200

Untung kasar atas FPKO: RM5,000 (RM200 x 25)

Beliau juga boleh menggunakan strategi sama (jualan singkat) untuk lain-lain petunjuk pada pasaran menaik.

Perhatian:

1. Margin Awal perlu didepositkan dengan Broker Niaga Hadapan sebelum mula berdagang.
2. Kedudukan terbuka bergantung pada mark-to-market (nilai saksama) yang mungkin memerlukan deposit margin tambahan.
3. Kos transaksi telah dikecualikan dalam contoh ini.

APAKAH KEPERLUAN MARGIN UNTUK FPKO & MATA WANG ASING YANG DILULUSKAN?

Margin Permulaan minimum untuk FPKO yang dikenakan oleh pusat penjelasan disemak dari semasa ke semasa bergantung pada turun naik pasaran. Margin Permulaan dinaikkan sebagai tindak balas terhadap turun naik harga yang lebih tinggi, dan sebaliknya. Rujuk kepada Pekeliling Penjelasan untuk kadar Margin Permulaan terkini. Broker Niaga Hadapan mungkin menetapkan deposit Margin Permulaan yang lebih tinggi daripada pelanggan mereka, bergantung pada polisi pengurusan risiko mereka.

Senarai mata wang asing yang diluluskan yang diterima sebagai margin awal untuk Kontrak FPKO adalah seperti yang berikut:

1. Dolar Australia
2. Euro
3. Dolar Hong Kong
4. Yen Jepun
5. Pound Sterling
6. Renminbi
7. Dolar Singapura
8. Dolar Amerika Syarikat



Buka Akaun Dagangan Niaga Hadapan dengan salah satu Broker Niaga Hadapan berlesen Bursa Malaysia Derivatives untuk mula berdagang.

Sila rujuk senarai Peserta Dagangan kami di www.bursamalaysia.com

Untuk maklumat lanjut dan kemas kini terkini:
Layari laman web Bursa Malaysia



Penafian:

Risalah ini disediakan untuk tujuan maklumat umum sahaja. Maklumat yang terkandung di dalamnya bukanlah nasihat kewangan atau perdagangan dan ia tidak mengesyorkan mana-mana produk yang dinyatakan di sini. Walaupun langkah-langkah telah diambil untuk memastikan ketepatan maklumat dalam risalah ini, Bursa Malaysia Berhad dan syarikat kumpulannya termasuk Bursa Malaysia Derivatives Berhad (“Bursa Malaysia”) tidak menjamin atau mewakili, secara nyata atau tersirat mengenai ketepatan atau kesempurnaan maklumat di dalamnya. Bursa Malaysia Derivatives dan Kumpulan Bursa Malaysia tidak menjamin atau menjamin prestasi apa-apa produk yang dirujuk dalam risalah ini.

Semua undang-undang, keperluan pengawalseliaan dan peraturan yang terpakai, termasuk Peraturan semasa Bursa Malaysia Derivatives dan Peraturan Bursa Derivatives Clearing hendaklah dirujuk selaras dengan risalah ini. Bursa Malaysia Derivatives dan Kumpulan Bursa Malaysia tidak menerima apa-apa liabiliti untuk mana-mana keputusan kewangan atau perdagangan yang dibuat atas dasar maklumat ini. Anda dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat bebas sebelum membuat keputusan kewangan, pelaburan atau perdagangan.

BURSA MALAYSIA BERHAD

197601004668 (30632-P)

Exchange Square, Bukit Kewangan,
50200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: +(603) 2034 7000

Faks: +(603) 2026 3584

Emel: futures@bursamalaysia.com